

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pemfaktoran-i. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran ("LO") dan/atau Perjanjian Kemudahan. Anda diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank Islamic Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank Islamic Berhad</p> <p>Pemfaktoran-i Pemfaktoran Rekursa Domestik-i ("DRF-i")</p> <p>Tarikh: 01 September 2023</p>																		
<p>1. Apakah yang Klien perlu ketahui mengenai produk ini? Pemfaktoran-i adalah urus niaga yang mana entiti perniagaan ("Klien") menjual akaun-akaun yang belum terima, atau invois, kepada pihak ketiga iaitu institusi kewangan atau rumah pemfaktoran ("Faktor") dalam tempoh jangka masa pendek. Tujuan ini dilakukan supaya Klien dapat menerima tunai dengan lebih cepat berbanding menunggu pembayaran diterima dalam terma kredit yang diberikan kepada pelanggannya ("Pelanggan").</p> <p>Terdapat beberapa jenis Pemfaktoran-i, salah satunya ialah DRF-i. DRF-i adalah kemudahan Pemfaktoran-i dengan <i>rekursa</i> kepada Klien dan pelanggan diberitahu tentang pengaturan pemfaktoran ini.</p>																			
<p>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai? Konsep Syariah yang diguna pakai untuk DRF-i ialah <i>Bai 'al-Dayn</i>. <i>Bai 'al-Dayn</i> adalah penjualan hutang.</p>																			
<p>3. Apakah yang akan Klien dapat daripada produk ini?</p> <p>(a) Tempoh: sehingga 180 hari (b) Struktur Kadar Keuntungan: Tetap (Diukur rujuk sekali kepada Kadar Pembiayaan Asas ("KPA") (c) Margin Pembiayaan: Sehingga 80% dari nilai invois (d) Mata Wang: Ringgit Malaysia</p> <p><u>Formula pengiraan Harga Belian:</u> Harga Belian = Nilai Invois (Prinsipal) x Margin Pembiayaan</p> <p><u>Formula pengiraan jumlah keuntungan:</u> Jumlah Keuntungan Harga Belian x kadar keuntungan x tempoh / 365*</p> <p>Nota: *Konvensyen kiraan hari hendaklah mengikut tahun lompat.</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td>Nilai Invois (Prinsipal)</td> <td>RM100,000</td> </tr> <tr> <td>Margin Pembiayaan</td> <td>80%</td> </tr> <tr> <td>Harga Belian</td> <td>RM80,000</td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td>90 Hari</td> </tr> <tr> <td>Kadar keuntungan</td> <td>7.25% setahun</td> </tr> <tr> <td>Kiraan hari dalam setahun</td> <td>365</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keuntungan</td> <td>RM1,430.14</td> </tr> <tr> <td>Kadar Caj Pemfaktoran</td> <td>1.0% daripada nilai Invois</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Caj Pemfaktoran</td> <td>RM1,000</td> </tr> </table> <p>Jumlah Pengeluaran = Harga Belian tolak Caj Pemfaktoran tolak caj-caj lain (jika berkenaan)</p>		Nilai Invois (Prinsipal)	RM100,000	Margin Pembiayaan	80%	Harga Belian	RM80,000	Tempoh	90 Hari	Kadar keuntungan	7.25% setahun	Kiraan hari dalam setahun	365	Jumlah Keuntungan	RM1,430.14	Kadar Caj Pemfaktoran	1.0% daripada nilai Invois	Jumlah Caj Pemfaktoran	RM1,000
Nilai Invois (Prinsipal)	RM100,000																		
Margin Pembiayaan	80%																		
Harga Belian	RM80,000																		
Tempoh	90 Hari																		
Kadar keuntungan	7.25% setahun																		
Kiraan hari dalam setahun	365																		
Jumlah Keuntungan	RM1,430.14																		
Kadar Caj Pemfaktoran	1.0% daripada nilai Invois																		
Jumlah Caj Pemfaktoran	RM1,000																		

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

4. Apakah peranan dan tanggungjawab Klien?

- Anda dikehendaki memaklumkan kepada Pelanggan mengenai pengaturan Pemfaktoran-i ini.
- Sekiranya Pelanggan tidak membuat bayaran, *AmBank Islamic* mempunyai hak rekursa ke atas anda untuk pembayaran untuk bil / invois yang tidak dibayar.
- Anda dikehendaki memastikan dana yang mencukupi dalam akaun semasa anda dengan *AmBank Islamic* untuk mendebit yuran dan caj yang dikenakan.
- Anda dikehendaki memastikan aset / barangan anda dalam invois adalah patuh Syariah.
- Anda dikehendaki memastikan bahawa had Pemfaktoran-i anda adalah aktif dan mencukupi untuk digunakan.

5. Apakah peranan dan tanggungjawab Pelanggan?

Pelanggan dikehendaki membayar invois / bil pada tempoh matang (tarikh pembayaran).

6. Apakah yuran dan caj yang dikenakan ke atas Klien?

No.	Jenis Fi dan Caj	Tarif
1.	Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)
2.	Caj Pemfaktoran	1.0%* daripada nilai invois
3.	Pengeluaran kepada pihak ketiga	RM50* untuk setiap transaksi
4.	Permintaan untuk penyata oleh Pelanggan / Pelanggan	RM20* untuk setiap penyata

* Sebut harga fi dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk apa-apa cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cukai barang dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai penggunaan, cukai pengguna, cukai tidak langsung, cukai perkhidmatan, cukai jualan, duti, levi atau apa-apa cukai lain ("Cukai") yang mungkin sekarang atau selepas ini dikenakan Kerajaan Malaysia.

7. Bagaimana sekiranya Klien gagal melaksanakan tanggungjawab?

- Pada tarikh matang, anda bersetuju dan mengakui bahawa *AmBank Islamic* berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada anda caj lewat bayar bagi kegagalan anda untuk membuat:
 - bayaran yang dijanjikan oleh anda kepada *AmBank Islamic*; dan/atau
 - pembayaran selepas tarikh luput atau pembatalan Pemfaktoran-i,

pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

No.	Tempoh berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1.	Sebelum tarikh matang.	1% setahun dikira atas baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2.	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian	Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh
2.	Apabila <i>AmBank Islamic</i> telah mendapat penghakiman terhadap pelanggan	Pada kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan dalam penghakiman), yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

Nota:

- Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
- Jumlah caj lewat bayar tidak boleh melebihi amaun prinsipal tertunggak.
- Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

- iv) Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperoleh.
- v) Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.

- (b) Hak untuk tolak-selesai: *AmBank Islamic* mempunyai hak untuk menggunakan apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan kami untuk menjelaskan hutang di bawah mana-mana kemudahan yang terdapat dengan *AmBank Islamic*. Walau bagaimanapun, jumlah yang ditolak-selesai akan dimaklumkan kepada anda.
- (c) *AmBank Islamic* mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan/atau mencairkan / menghalang / tebus cagaran yang diberi (jika ada).
- (d) Tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal.

8. Bagaimana sekiranya Klien melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Sekiranya penyelesaian penuh dibuat sebelum tempoh matang, *ibra'* (*rebat*) mungkin diberikan kepada anda.

9. Apakah risiko yang perlu Klien tanggung?

- (a) Sekiranya Pelanggan tidak membuat bayaran, *AmBank Islamic* mempunyai hak rekursa ke atas anda bagi bil / invoice yang tidak dibayar.
- (b) *AmBank Islamic* boleh mengambil tindakan undang-undang jika anda tidak melunaskan bayaran anda.

10. Adakah Klien memerlukan penjamin atau cagaran?

- (a) Seorang penjamin (atau lebih) harus disediakan, jika perlu.
- (b) Kesemua cagaran harus disediakan jika perlu dan mestilah diterima oleh Syariah.

Nota: Syarat di atas bergantung kepada keupayaan kredit anda.

11. Apakah yang perlu Klien lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh menghubungi / memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Perhubungan anda.

12. Di manakah Klien boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
- Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan penyelesaian kami terhadap pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

AmBank Islamic Contact Centre
P.O Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2178 8888
Email: customercare@ambankgroup.com

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Website: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputera Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
E-mail: enquiry@akpk.org.my

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

13. Di mana Klien boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran terperinci seperti manfaat, caj dan yuran produk, anda boleh melayari www.ambankgroup.com

14. Produk-produk perdagangan secara Islam yang disediakan:

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Resit Amanah-i • Bil Penerimaan-i • Pembiayaan Invois-i • Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing-i • Pemfaktoran Sulit-i • Pemfaktoran Berturutan-i • Penyelenggaraan Lejer Jualan-i • Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i | <ul style="list-style-type: none"> • Bil Kredit Perundingan-i • Pembelian Bil Keluar-i • Surat Kredit-i • Jaminan Bank-i • Surat Kredit Tunggu Sedia-i • Jaminan Perkapalan-i • Kutipan Bil Masuk-i • Kutipan Bil Keluar-i |
|--|--|

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Penyataan Produk ini sah dari **01 September 2023** sehingga dikemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini.

Semua pengiraan dan kadar adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penafian: Amaun kemudahan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya / Kami mengakui bahawa terma utama kontrak dan tanggungan kewangan saya / kami di bawah produk kewangan ini telah diperjelas dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

Nama:

No K/P:

Tarikh:

Atau

Untuk dan Bagi Pihak:

Nombor Pendaftaran:

(Penandatanganan Sah/ Pengarah)

Tarikh: